

21/05/2001

Dr Mahathir kesal Pas enggan sertai rundingan

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap degil parti Pas yang terus enggan menyertai rundingan yang diusahakan Umno bagi menyatupadukan orang Melayu daripada terus berpecah-belah.

Perdana Menteri berkata, usaha untuk menyatupadukan orang Melayu gagal kerana Pas tidak mahu menyertai sebarang rundingan mengenai perpaduan.

"Umno tidak meminta supaya Pas dibubarkan atau menyertai Barisan Nasional bila berunding mengenai penyatuan Melayu, sebaliknya memberi tumpuan kepada kedudukan orang Melayu yang masih lemah di negara ini.

"Tidak seperti Akar yang sanggup membubarkan parti untuk menyertai Umno semata-mata kerana perpaduan Bumiputera dalam BN," katanya berucap pada perhimpunan khas mengisytiharkan pembubaran Akar di Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, Pas sebenarnya parti serpihan Umno, tetapi keluar selepas kumpulan ulama Umno berpendapat mereka tidak diberi layanan dari segi pemilihan bertanding menjadi wakil rakyat ketika dalam Umno.

"Mereka berpendapat selagi terus berada dalam Umno, mereka tidak boleh mendapat tempat kononnya dalam Umno keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai pendidikan bukan agama.

"Berikutan itu, kumpulan ulama ini meninggalkan Umno dan menubuhkan Pas. Oleh kerana pada mulanya mereka tidak berjaya, akhirnya menyalahgunakan agama untuk menarik sokongan, malang bagi kita ramai berjaya dipengaruhi Pas menyebabkan orang Melayu mula berpecah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir juga berkata, kerajaan masih meneruskan usaha ke arah menyeimbangkan penguasaan politik dan pengagihan ekonomi antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Ketika ini, katanya, secara umum Bumiputera lebih kuat dalam politik dan bukan Bumiputera menguasai ekonomi.

"Walaupun Bumiputera kuat dalam politik, mereka tidak cuba merampas hak kaum lain hanya kerana mereka memiliki kuasa. Sebaliknya, mereka rela bekerjasama dan memberi tempat kepada kaum lain dalam politik, khususnya ketika mendirikan kerajaan.

"Dalam ekonomi, sementara kita tahu bukan Melayu/Bumiputera lebih cekap, tetapi mereka juga sanggup memberi tempat dan peluang kepada Bumiputera untuk menyertai bidang ekonomi supaya sama-sama dapat agihan kekayaan negara," katanya.

Sebab itu, katanya, apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibentuk bagi memberi bahagian kepada Bumiputera, tiada tentangan daripada bukan Bumiputera, sebaliknya mereka memberi kerjasama menjayakan DEB.

Beliau berkata, kemungkinan agihan kekayaan dan kuasa politik belum begitu baik dan belum begitu seimbang antara kaum.

Namun, katanya, usaha ke arah itu masih diteruskan dan yakin lama kelamaan agihan kuasa politik dan agihan kekayaan ekonomi menjadi lebih seimbang antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Dalam sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri turut ditanya mengenai kemungkinan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, dilantik semula menyertai kerajaan.

Dr Mahathir berkata, ia hanya cakap-cakap di luar saja dan sehingga kini Razaleigh masih ahli dan pemimpin Umno.

"Dia di dalam BN... apa yang berlaku kepadanya adalah satu proses, lain-lain pemimpin Semangat 46 yang menyertai semula Umno dilantik dalam kerajaan ini, termasuklah Datuk Dr Rais Yatim. Ini tidak semestinya

pemimpin parti yang menyertai Umno akan diberikan jawatan di dalam kerajaan," katanya.

(END)